



Ekspedisi Penyelidikan Saintifik Kaji Maklumat Biologi



Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah menerima replika cek daripada Fatimah Merican untuk program KEMPAS sambil diperhatikan oleh Prof. Madya Dr. Awang Noor Abd. Ghani dan Dr. Mohd Yunus Zakaria.

SERDANG, 14 April – Fakulti Perhutanan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengadakan Ekspedisi Penyelidikan Saintifik di Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong untuk mengumpulkan maklumat flora, fauna dan kepelbagaian biologi bermula dari 13 April hingga 16 April lalu.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata kajian mengenai hutan dapat dilakukan dengan adanya stesen luar pendidikan dan penyelidikan baru di hutan tersebut yang mempunyai ekosistem lengkap.

"Kem Pendidikan Alam Semulajadi (Kempas) adalah satu program untuk mendidik dan memberi pendedahan kepada pelajar sekolah akan kepentingan memulihara alam sekitar," katanya.

Beliau berkata penglibatan pelbagai pihak terutama kerjasama dari Jabatan Perhutanan Negeri Selangor banyak membantu UPM merealisasikan ekspedisi kedua tersebut sejak ekspedisi pertama dibuat pada tahun 2000.

Sementara itu Dekan Fakulti Perhutanan, Prof. Madya Dr. Awang Noor Abd. Ghani berkata ekspedisi itu memberi nilai semula status flora dan fauna, mendapatkan maklumat baru yang tidak direkodkan dalam ekspedisi pertama dan penubuhan kawasan Hutan Bernilai Pemuliharaan Tinggi (HCVF).

"UPM akan menubuhkan sebuah makmal khas terletak di Hutan Simpan Ayer Hitam di Puchong bagi membantu projek penyelidikan flora dan fauna di sana.

"Makmal yang dijangka siap pada 2011 tersebut akan ditubuhkan oleh Fakulti Perhutanan dan menelan belanja RM18 juta," katanya.

Beliau berkata makmal tersebut akan digunakan oleh pelajar dan pensyarah bagi mengumpul maklumat tentang spesies yang belum ditemui yang mungkin terdapat di hutan simpan itu.

Katanya makmal itu merupakan pelan jangka masa panjang fakulti dalam usaha memulihara tumbuhan dan hidupan liar di hutan simpan tersebut.

"Tema bagi ekspedisi kali ini ialah Kesan Pembangunan Sekeliling ke atas Biodiversiti dan Ekosistem Hutan Simpan Ayer Hitam dengan bidang kajian tertumpu kepada biologi, fizikal dan sosio-ekonomi," katanya.

Beliau berkata satu seminar khas penemuan kajian akan dijalankan sebelum penerbitan jurnal khas dibuat.

Tambah beliau Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong Selangor terletak lebih kurang 20 kilometer daripada UPM, Serdang dan 45 kilometer dari Kuala Lumpur.

Katanya dengan keluasan 1248 hektar, lokasi itu merupakan kawasan penyelidikan, pengajaran dan pembangunan perhutanan yang telah dianugerahkan kepada UPM secara perjanjian jangka panjang selama 80 tahun oleh kerajaan Negeri Selangor sejak 1996.

"Hutan simpan itu merupakan satu-satunya hutan tanah pamah diptrokarpa yang masih wujud dalam kawasan emas Koridor Raya Multimedia yang mempunyai rupa bumi unik serta warisan budaya pelbagai," katanya.

Kawasan itu kaya dengan pelbagai spesies flora sebanyak 30 peratus daripada jumlah spesies pokok di Malaysia selain terdapat pelbagai fauna seperti burung, mamalia kecil dan kepelbagaian biologi yang boleh dikaji.

Hutan simpan kekal itu telah dikelilingi oleh kawasan pembangunan perumahan yang pesat dan telah didiami oleh Orang Asli dari suku kaum Temuan sejak 400 tahun dulu.

Pada majlis tersebut UPM menerima penajaan daripada Exxonmobil Malaysia bernilai RM80,000 untuk KEMPAS 2009 peringkat kebangsaan, perasmian Stesen Luar Pendidikan dan Penyelidikan serta pelancaran Buku Hutan Simpan Ayer Hitam.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengerusi Subsidiari Exxonmobil di Malaysia, Fatimah Merican dan Pengarah Jabatan Hutan Negeri Selangor, Dr. Mohd Yunus Zakaria.



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah melepaskan burung sebagai simbolik perasmian Stesen Luar Pendidikan dan Penyelidikan.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM

